

Kerajaan sasar dua universiti awam capai 100 terbaik dunia

KUALA LUMPUR 15 Sept. - Kerajaan menasarkannya sekurang-kurangnya dua universiti awam tempatan disenaraikan dalam 100 universiti terbaik dunia dalam tempoh lima tahun akan datang.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh berkata, beliau optimis sasaran itu mampu dicapai selepas peningkatan ranking tiga universiti tempatan yang diumumkan QS World University Ranking semalam.

"Saya percaya ia mampu dicapai selepas Universiti Malaya (UM) yang sebelum ini berada di kedudukan 151 ke 146 dalam senarai terbaharu yang dikeluarkan baru-baru ini.

"Pencapaian peningkatan UM tiga tahun berturut-turut iaitu daripada 167 dan meningkat ke tangga 146 dalam tempoh dua tahun memberi gambaran keseluruhan universiti kita bertambah baik," katanya selepas melancarkan Kumpulan Pendidikan Ilmu (Ilmu) di sini hari ini.

Ilmu adalah kumpulan pendidikan swasta milik bumiputera yang terbesar di negara ini.

Idris memberitahu, sasaran yang


ingin dicapai itu bertepatan dengan slogan Kementerian iaitu *We Are Soaring Upwards*.

Dalam pada itu, dua lagi universiti awam tempatan turut tersenarai dalam ranking universiti terbaik dunia iaitu Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM).

"Kedudukan USM meningkat kepada universiti ke-289 terbaik dunia berbanding di kedudukan ke-309 pada tahun lalu dan ke-355 pada 2013 manakala UPM pula disenaraikan di kedudukan ke-331, meningkat berbanding kedudukan ke-370 pada 2014 dan ke-411 pada 2013," katanya.

Dalam perkembangan lain, ketika ditanya mengenai insiden seorang pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang cedera selepas ditikam individu dipercayai dalam kalangan pelajar, kata beliau, pihaknya menyerahkan perkara itu kepada pengurusan universiti.

"Kuasa autonomi telah diserahkan sepenuhnya kepada Naib Canselor. Jadi, sebarang tindakan susulan termasuk tatatertib diserahkan kepada beliau," ujarnya.



IDRIS JUSOH bersama Ketua Pegawai Eksekutif Ekuiti Nasional Berhad (Ekuiti), Datuk Abdul Rahman Ahmad (dua dari kiri), Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar (tiga dari kiri), Pengerusi Ekuinas, Tan Sri Arshad Raja Tun Uda (tiga dari kanan) dan Ketua Pegawai Eksekutif Education Group, Amil Izham Hamzah (kanan) melancarkan Kumpulan Pendidikan Ilmu (Ilmu) di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/ MOHD. NAIM AZIZ